

Ahli MT dicadang kunjungi Dr. M

BENTONG 12 Ogos - Ketua UMNO Bahagian Kubang Pasu, Datuk Mohd. Johari Baharum mencadangkan supaya Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO bersepakat mengadakan kunjungan hormat ke atas Tun Dr. Mahathir Mohamad bagi menangani kemelut antara bekas Perdana Menteri itu dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada masa sama, beliau yang juga Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri menolak cadangan untuk menjadikan mana-mana individu sebagai orang tengah bagi menyelesaikan masalah itu.

Ini kerana jelasnya, pendekatan menerusi kunjungan hormat oleh MT lebih berkesan

berbanding tindakan sesetengah pihak yang lebih gemar membuat kenyataan yang akhirnya dijadikan isu oleh pihak tertentu khususnya pembangkang.

"Pada pandangan saya, tak perlulah ada orang tengah. Begitu juga tak perlu keluar kenyataan. Paling baik, MT mengadakan kunjungan hormat ke atas Tun Dr. Mahathir supaya beliau rasa tidak dipinggirkan," katanya.

Beliau menyatakan perkara itu kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Bentong di Dewan UMNO bahagian itu di sini hari ini. Turut hadir, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO Panang merang-

kap Ketua Pemuda UMNO Bahagian Bentong, Khairuddin Yaakob.

Mohd. Johari dianggap pemimpin yang mempunyai hubungan rapat dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Dr. Mahathir kerana beliau pernah menjadi Setiausaha Politik kepada kedua-dua pemimpin negara itu.

Mengulas lanjut, beliau mengakui perkembangan yang berlaku sekarang berkaitan isu Abdullah-Mahathir akan berlarutan sehingga membawa perpecahan dalam UMNO sekiranya tidak ditangani segera dengan bijak.

Dalam masa yang sama jelasnya, pihak tertentu terutama pembangkang akan ber-

tindak mengambil kesempatan dengan 'menangguk di air keruh dan UMNO akan terus bergolak sehingga membawa kepada perpecahan.

Sementara itu, Khairuddin berkata, Pergerakan Pemuda UMNO Pahang amat berharap agar pucuk pimpinan parti berusaha mencari jalan ke arah penyelesaian isu itu demi kepentingan masa depan parti dari orang Melayu.

"Kita harap masalah ini dapat diselesaikan segera walau dengan apa jua cara sekalipun demi keutuhan dan kekuatan UMNO dan orang Melayu. Kita bimbang jika masalah itu berlarutan, pembangkang terus mengambil kesempatan," tegasnya.